

Berita @ UTeM

www.utem.edu.my | edisi Julai 2012



Selamat
Hari Raya
Aidilfitri

*Naib Canselor Wakil Malaysia
Adili Pertandingan Akhir Imagine
Cup 2012*

*UTeM Beri Saingan
Sengit Di SUKUM 37*



CEO Roundtable 2012

*Rangsang Peningkatan
Kebolehpasaran Graduan*



*UTeM Idam Takhta Juara
PROTON Green Mobility
Challenge 2012*

ISSN 1985 - 4706



9 771985 47 0003



Naib Canselor

WAKIL MALAYSIA ADILI PERTANDINGAN AKHIR IMAGINE CUP 2012

6 Julai : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah dilantik bagi mewakili Malaysia untuk mengadili pertandingan akhir Imagine Cup peringkat antarabangsa yang akan berakhir 10 Julai ini di Sydney Australia.

Pelantikan tersebut meletakkan nama beliau sebaris dengan tokoh-tokoh terkemuka dunia antaranya Ed Happ, Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa, Guy Wolleart, Ketua Pegawai Teknologi (CTO) Coca Cola dan Rob Miles, ikon pengaturcaraan komputer (programmer) dari University of Hull, UK yang turut dilantik menghakimi pertandingan tersebut.

Ketika ditemui sebelum berlepas ke Sydney, Dr. Ahmad Yusoff berkata, selaku juri yang dilantik maka beliau akan mengadili projek-projek perisian yang dicipta oleh para peserta dari seluruh dunia berasaskan teknologi yang diperkenalkan oleh Microsoft.

"Melalui pertandingan Imagine Cup, peserta menghasilkan pelbagai jenis perisian yang boleh menyelesaikan permasalahan sejagat selaras dengan matlamat milenium Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menyenaraikan antara lainnya kebuluran, pendidikan, kesaksamaan jantina, kelestarian alam sekitar dan isu kesihatan," kata beliau.

Justeru, proses pengadilkan akan dilaksanakan dengan teliti untuk mendapatkan perisian yang betul-betul menepati kriteria yang ditetapkan serta mampu memberi impak kepada manusia sejagat, jelasnya lagi.

Terdahulu, Imagine Cup peringkat kebangsaan telah dimenangi oleh pasukan "The Rhapsody" dari Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI) menerusi perisian WizBoard yang memberi kemudahan kepada pendidik menyampaikan pengajaran tanpa sempadan melalui beberapa ciri unik yang dibangunkan di dalam perisian tersebut.



Isi Kandungan

- 2 Naib Canselor Wakil Malaysia Adili Pertandingan Akhir Imagine Cup 2012
- 3 UTeM Idam Takhta Juara PROTON Green Mobility Challenge 2012
- 4 CEO Roundtable 2012
- 6 Lawatan Kakitangan Hepa Ke Taylor's University Tingkatkan Kerjasama UTeM Mantapkan Jalinan Keseragaman Bersama Universiti Teknologi Nanyang Singapura
- 7 Taklimat Perkeso Tingkat Kesedaran Staf
- 8 Pelajar Perantis MAI FTK Mulakan Latihan Industri di Syarikat Industri Multinasional Mahasiswa Tabur Bakti Bantu Warga Emas
- 9 Penyelidik Muda Cipta Kejayaan di NRIC 2012
GPMS UTeM Jayakan Ekspedisi Pendakian Gunung Datuk

- Ucapan Raya Pengurusan Tertinggi 10
- Tazkirah Semarak Ramadhan Canselori
Program Hari Pemantapan Organisasi Capai Matlamat 12
- Pusat Islam Anjur Pakej Pengisian Ramadhan
Pejabat Pendaftar Anjur Program Motivasi Puasa Puas Puas 13
- Bakti Ramadhan UTeM Edar 20 Ribu Jadual Berbuka Puasa
Pejabat HEPA Anjur Majlis Berbuka Puasa Bersama Pelajar Maahad Tahfiz 14
- Ramadhan Eratkan Hubungan Warga FTMK 15
- Canselori Rai Pelajar Tahfiz Berbuka Puasa 16
- Personaliti, Perkahwinan & Kelahiran
Program Khidmat Masyarakat Perkasa Perkembangan ICT Negeri Melaka 17
- Pusat Komputer Anjur Pertandingan Bowling Erat Hubungan Staf 18
- UTeM Beri Saingan Sengit di SUKUM 37 19



UTeM Idam Takhta Juara PROTON Green Mobility Challenge 2012

18 Julai : UTeM meletakkan sasaran juara dalam pertandingan inovasi automotif teknologi hijau 'PROTON Green Mobility Challenge' (PGMC) yang dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun ini.

PGMC merupakan satu pertandingan membangunkan kereta elektrik mesra alam menggunakan model Saga dan berdasarkan kepakaran dan pengalaman yang ada oleh setiap universiti yang bertanding.

Menurut Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan beliau merasa yakin dengan status persediaan dan persiapan semasa pasukan EVERGREEN yang mewakili UTeM dalam pertandingan itu.

Beliau berkata demikian sewaktu ditemui ketika menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Penganjur & Urusetia PGMC 2012 di Pusat Kecemerlangan Robotik dan Automasi Industri (CeRIA), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

Lawatan tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Mark Rozario bersama ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal & Penganjur PGMC 2012.

Menurut Mark Rozario, lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau trek pencapaian dan kemajuan gerak kerja semasa pasukan UTeM dalam menyiapkan kenderaan elektrik mesra alam dalam cabaran itu.



Beliau melahirkan rasa kagum terhadap inovasi yang dicetuskan oleh pasukan EVERGREEN UTeM dalam membangunkan kereta elektrik mesra alam ini walaupun masih dalam proses penyediaan.

Tambah beliau lagi, elemen keselamatan yang ditonjolkan oleh pasukan UTeM merupakan faktor yang memberikan nilai tambahan dalam penilaian penyediaan kenderaan elektrik mesra alam itu.

"Secara umumnya pasukan UTeM telah menonjolkan persiapan yang sangat baik dan hal ini menggambarkan bahawa pasukan EVERGREEN berada di landasan yang sepatutnya" ujar beliau lagi.





CEO Roundtable 2012

Rangsang Peningkatan Kebolehpasaran Graduan

“ Perkara ini juga dilihat sebagai platform yang memberi manfaat besar kepada kedua-dua belah pihak kerana saling melengkapi antara satu sama lain yang mana pihak industri meletakkan keperluan manakala pihak universiti memenuhi keperluan tersebut seterusnya mewujudkan senario yang bakal merancakkan pertumbuhan dalam sektor perindustrian”

18 Julai : Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) hari ini menganjurkan program ‘CEO Roundtable 2012’ iaitu sesi pertemuan eksklusif di antara pengurusan universiti bersama ketua pegawai eksekutif organisasi ternama dari dalam dan luar negara.

Menurut Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, ‘CEO Roundtable 2012’ dianjurkan untuk mendapat pandangan serta saranan pihak industri terhadap ciri-ciri graduan yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa, pembentukan program akademik yang relevan dengan keperluan industri, menjalin rangkaian kerjasama strategik serta memperkasa perkongsian penyelidikan.

“Program ini pertama kali dianjurkan pada tahun lepas, ianya telah menjadi platform UTeM untuk bergerak selari dengan kehendak semasa dan penglibatan tokoh-tokoh korporat yang dijemput bakal merealisasikan hasrat universiti ke arah itu,” jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau menambah, program yang dilaksanakan akan memberi impak serta nilai tambah kepada kebolehpasaran graduan UTeM di samping menyuntik elemen keusahawanan yang boleh diterapkan dalam kalangan pelajar mahupun staf universiti.

"Perkara ini juga dilihat sebagai platform yang memberi manfaat besar kepada kedua-dua belah pihak kerana saling melengkapi antara satu sama lain yang mana pihak industri meletakkan keperluan manakala pihak universiti memenuhi keperluan tersebut seterusnya mewujudkan senario yang bakal merencanakan pertumbuhan dalam sektor perindustrian".

"Pihak universiti telah menerima pengesahan seramai 12 orang ketua pegawai eksekutif dari pelbagai latarbelakang industri seperti pendidikan, teknologi maklumat, pembuatan, keusahawanan serta penyelidikan yang akan memberi pandangan terhadap situasi semasa serta keperluan masa hadapan negara dan global," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, Dr. Ahmad Yusoff menyatakan bahawa berdasarkan maklumbalas positif yang diterima, UTeM berhasrat menjadikan program itu acara tahunan dengan mendapatkan tokoh-tokoh korporat ternama tempatan dan antarabangsa yang akan berkongsi pengalaman, pendapat dan saranan bagi menjadikan universiti ini setanding dengan institusi teknikal antarabangsa.



Lawatan Kakitangan HEPA ke TAYLOR'S UNIVERSITY

Eratkan Kerjasama

19 Julai : Bagi meningkatkan kerjasama dua hala antara universiti, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan lawatan ke Taylor's University, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seramai 20 orang kakitangan HEPA dari pelbagai jabatan dan unit yang diketuai oleh Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan telah menyertai lawatan itu.

Menurut Prof. Dr. Marizan, tujuan lawatan diadakan ialah bagi mengadakan perbincangan dua hala dan perkongsian pengalaman mengenai hal ehwal pentadbiran, kebajikan serta aktiviti-aktiviti pelajar di universiti berkenaan.

Delegasi UTeM telah dibawa melawat ke sekitar kampus seperti Pusat Aktiviti Pelajar, kafeteria pelajar, asrama pelajar serta pejabat pentadbiran. Prof. Dr. Marizan dalam ucapan penghargaannya menjemput kakitangan dan pelajar Taylor's University untuk melawat UTeM dan seterusnya mengadakan perlawanan persahabatan sukan bagi mengeratkan lagi kerjasama dan persefahaman antara kedua-dua universiti.



UTeM Mantapkan Jalinan Keserakanan Bersama Universiti Teknologi Nanyang Singapura

12 Julai : Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah mengadakan lawatan keserakanan IPT serantau ke Universiti Teknologi Nanyang di Singapura baru-baru ini.

Delegasi UTeM diketuai Penolong Naib Canselor (HEPA), Engr. Prof. Dr. Marizan bersama Ketua Timbalan Pendaftar Zainuddin Ahmad, Ketua Bahagian Sukan Ismail Abdul Jalil serta 27 orang pegawai dan kakitangan dari pejabat itu.

Menurut Dr. Marizan, objektif diadakan program lawatan adalah untuk memantapkan lagi kerjasama serantau antara UTeM dengan IPT di negara seperti Singapura.

Jelas beliau, aspek pengurusan hal ehwal pelajar dan bidang sukan antara medium yang diberi penekanan dalam sesi perkongsian dua hala antara UTeM dan Universiti Teknologi Nanyang semasa lawatan mereka di sana.

Beliau mengharapkan hasil dari lawatan ini akan dapat menyebarkan jaringan dan meningkatkan kerjasama dengan universiti-universiti ternama luar negara serta pihak industri terkemuka dunia. Dr. Marizan turut menjemput Universiti Teknologi Nanyang untuk mengadakan lawatan balas ke UTeM bagi mengadakan pelbagai aktiviti dua hala dan program sukan antara kedua-dua universiti.



TAKLIMAT PERKESO

BERI MANFAAT & TINGKAT KESEDARAN STAF

25 Julai : Seramai 81 orang staf bertaraf sambilan, kontrak dan sementara terlibat dalam satu sesi taklimat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Taklimat yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran staf terhadap manfaat yang diterima oleh pencarum PERKESO.

Menurut Timbalan Pendaftar Mohd Azmi Mat Said berkata, taklimat yang dianjurkan memberi pemahaman mendalam kepada peserta mengenai fungsi PERKESO, takrifan majikan pekerja serta skim perlindungan yang ditawarkan oleh pertubuhan itu.

"Melalui taklimat ini, peserta berpeluang berinteraksi dengan pegawai dari PERKESO untuk mendapatkan pemahaman yang jelas terhadap faedah pencarum," katanya ketika ditemui.

Pegawai Tadbir Unit Faedah PERKESO, Redhuan bin Muda @ Mohad Yatim yang menyampaikan taklimat itu menyeru warga UTeM terlibat agar memahami manfaat ditawarkan supaya urusan tuntutan dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

Selain perbincangan berkaitan manfaat PERKESO, Redhuan turut berkongsi maklumat dengan peserta mengenai tanggungjawab majikan terhadap caruman yang wajib dibayar, kadar caruman serta cara-cara pembayaran caruman.



Pelajar Perantis MAI-FTK Mulakan **Latihan Industri** di Syarikat Industri Multinasional



2 Julai : Seramai 60 orang peserta sulung program perantis Malaysia Automotive Institute (MAI) bersama Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah memulakan latihan praktikal selama dua bulan di beberapa sektor perindustrian multinasional di sekitar negeri Melaka dan Selangor.

Sebilangan besar dari perantis ini telah ditempatkan di kilang pemasangan kereta Honda Malaysia dan Infineon Technologies, manakala selebihnya di Sri Kota Rubber, dan PHN Industry Sdn Bhd.

Menurut Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, peserta perantis didedahkan dengan dunia industri automotif, seperti kepelbagaian tugas dan tanggungjawab jurutera serta peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi di dalam industri automotif, baik di dalam mahupun di luar negara.

"Bagi melengkapkan lagi penyediaan bakal-bakal teknologis yang akan dilahirkan kelak, peserta program perantis ini turut diberikan pendedahan awal untuk menjalani latihan praktikal di bidang industri seawal tahun pertama pengajian mereka. Mereka ini akan menjalani latihan praktikal selama 2 bulan pada setiap hujung tahun pengajian, kecuali pada tahun akhir pengajian (tahun 4)" ujar beliau.

Tambah beliau lagi, pada hujung tahun akhir pengajian, mereka akan melengkapkan 6 bulan tempoh latihan praktikal yang mana akan menjadikan tempoh keseluruhan latihan praktikal sepanjang menyertai program Perantis MAI-FTK ini kepada 1 tahun.

"Selain telah menjalani beberapa modul dalam kelas sepanjang semester yang baru berakhir, kini peserta-peserta perantis dapat merasai pengalaman berada dalam dunia industri sebenar dan diharapkan dapat mempraktikkan serba sedikit pengetahuan "soft skill" yang mereka pelajari sebelum ini," jelasnya lagi.

Mahasiswa Tabur Bakti Bantu Warga Emas



18 Julai : Peserta kursus Graduate Leadership Auditing Development (GLAD) anjuran Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) UTeM telah mengadakan program khidmat masyarakat di Kampung Mantai yang terletak di DUN Asahan sebagai salah satu pengisian modul kursus tersebut.

Seramai 16 orang mahasiswa terlibat menjayakan program khidmat masyarakat yang turut mendapat sokongan daripada Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Japerun Asahan serta JKKK kampung tersebut.

Rumah seorang warga emas di Kampung Mantai, Munah Budin, 70, yang tinggal berseorangan setelah suaminya meninggal dunia dipilih sebagai lokasi program menyaksikan peserta bergotong royong membersihkan kawasan sekitar serta membaiki bahagian rumah yang rosak.

Beliau yang kurang daya pendengaran dan sukar untuk berdiri amat terharu dengan kehadiran mahasiswa UTeM yang bertungkus lumus mengindahkan kawasan rumahnya yang semakin uzur dimakan usia.

Selain gotong-royong peserta turut menyampaikan bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak serta kelengkapan lain kepada Munah.



PENYELIDIK MUDA **CIPTA KEJAYAAN** DI NRIC 2012



19 Julai : Satu lagi kejayaan membanggakan dicatat oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) apabila berjaya membawa pulang empat pingat di pertandingan Novel Research and Innovation Competition 2012 (NRIC 2012) yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

Empat pingat yang berjaya dimenangi oleh penyelidik Fakulti Teknologi Kejuruteraan adalah 1 pingat emas hasil produk penyelidikan Portable Car Cooling System (Car-Cool), dua pingat perak dan satu pingat gangsa.

Produk Car-Cool adalah hasil inovasi tiga orang pelajar tahun pertama Program Teknologi Kejuruteraan Elektrik iaitu Nur Shuhada Borhan, Nur Syuhada Sulaiman dan Salbiah Kepli di bawah penyeliaan Engr. Mohd Farriz Basar.

Car-Cool dihasilkan dan direka sebagai sebuah alat mudah alih dan dapat membantu mengurangkan kepanasan di dalam kereta terutama ketika parkir di bawah terik matahari. Dengan rekabentuknya yang futuristik, alat ini mampu untuk menyejukkan sehingga 5m³ ruang di dalam kereta dan berupaya menghasilkan udara berion negatif yang segar dan nyaman.



GPMS UTeM Jayakan Ekspedisi Pendakian Gunung Datuk



24 Julai : Seramai 90 orang mahasiswa dan mahasiswi terdiri daripada ahli Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) UTeM telah berjaya menawan Gunung Datuk di Rembau, Negeri Sembilan baru-baru ini melalui program yang dikenali dengan nama 'Jejak Alam'.

Menurut Pengarah Program itu Mohd. Faizal Khalik berkata, dengan ketinggian 2900 kaki dari aras laut, pasukan ekspedisi ini telah mengambil masa hampir dua jam masa pendakian untuk sampai ke puncak Gunung Datuk.

Tambah beliau lagi, tujuan program ini diadakan ialah meningkatkan aktiviti berteraskan rekreasi sekaligus membuktikan pelajar kelahiran UTeM seimbang antara akademik dan kokurikulum.

"Sehubungan itu ianya juga merupakan platform dalam memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan rasa kekitaan dalam kalangan mahasiswa dan ahli GPMS khususnya di samping menguji ketahanan fizikal dan mental peserta dan menyemai rasa cinta kepada alam semulajadi," kata beliau.

"Menariknya sewaktu pendakian, pendaki turut menjalankan kerja amal seperti mengutip sampah yang ada di sepanjang laluan pendakian dan yang paling penting mereka berjaya menjayakan pendakian itu tanpa ada sebarang perkara yang tidak diinginkan", katanya lagi.

Salam Aidilfitri

daripada Pengurusan Tertinggi UTeM

"Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T yang telah memberikan peluang dan kemampuan untuk kita semua melakukan amalan-amalannya yang terbaik di bulan penuh kelebihan, iaitu Ramadhan.

Sesungguhnya, di bumi Malaysia ini, kita rasa bertuah dan tidak lupa memanjatkan rasa syukur kerana dapat meraikan Aidilfitri dengan aman dan tenteram berkat dari kemerdekaan serta keamanan yang kita kecapai berbanding negara-negara lain yang bergolak dengan peperangan, kebuluran, bencana dan kemiskinan. Kita juga dipertanggungjawabkan dengan amanah untuk mendidik dan melahirkan generasi baru yang mampu berfikir lebih rasional, matang dan positif lantaran menjadi agen pemangkin pembangunan tamadun gemilang bertonggakkan prinsip yang diredhai oleh Allah S.W.T. Teruskan amalan ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi sebagai lambang persaudaraan Islam.

Bersempena bulan Syawal ini, saya mengambil kesempatan ini memohon kemaafan bagi diri saya, isteri dan keluarga serta Pengurusan Tertinggi Universiti di atas sebarang keterlanjuran kata dan salah silap. Berhati-hatilah memandu di jalan raya, semoga tiba di destinasi yang dituju dengan selamat dan kembali bertugas dengan gembira dan ceria"

Selamat Menyambut Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin

PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR

"Salam Lebaran Minal Aidil Wal Faizin kepada semua staf dan mahasiswa/i UTeM serta seluruh rakan kongsi universiti. Semoga Aidilfitri kali ini membawa cahaya kebahagiaan di dalam hidup kita semua. Walaupun Syawal datang hanya setahun sekali, sambutlah ia dengan ertinya yang tersendiri. Teruskan amalan kunjung mengunjung sanak saudara, mohon kemaafan sesama insan dan teruskan amalan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Yang penting, sambutlah lebaran ini dengan sikap berhemah dan bijaksana dalam berbelanja supaya tidak berlaku pembaziran yang akhirnya akan mendatangkan kesan buruk kepada diri sendiri dan keluarga. Akhir kata, Selamat Hari Raya kepada semua warga UTeM. Maaf Zahir dan Batin"

PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUADI
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

"Alhamdulillah, sepurnama menikmati dan bermujahadah rahmat Allah S.W.T. kini hari kemenangan disambut meriah. Harapan yang tinggi agar sambutan hari yang mulia ini mencetus ruang kepada semua untuk mengerat ikatan silaturrahim sesama insan. Sayugia ingat mengingatkan kepada golongan yang kurang bernasib baik tidak dilupakan. Moga sumbangan ikhlas yang dihulur memberi harapan kepada mereka dalam meraikan hari lebaran yang ditunggu-tunggu umat Islam.

Akhir kalam tulus ikhlas dari saya beserta keluarga tercinta dan semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), menghulur ampun dan maaf andai terguris hati tutur bicara, silap laku kelemahan diri"

Cincin disarung hati berdebar
Jari nan lembut terhias wajah
Ramadan disambut penuh sabar
Aidilfitri disambut dengan meriah

PROF. DR. IR. MOHD JAILANI BIN MOHD. NOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



"Di kesempatan ini, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan bagi pihak saya dan keluarga serta seluruh warga HEPA, di atas segala kekurangan yang berlaku sepanjang melaksanakan tugas memberi perkhidmatan kepada semua warga UTeM. Sesungguhnya khidmat dan bakti yang dicurahkan adalah dengan hati yang tulus dan ikhlas bagi kecemerlangan kita semua. Jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tinggi Universiti, staf dan para pelajar atas kerjasama yang diberikan; semoga ukhwa yang terjalin akan terus kukuh dan padu bagi menuju kegemilangan bersama. Sama-samalah kita menyambut Syawal tahun ini dengan penuh rasa kesyukuran dan keberkatan. Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Maaf Zahir dan Batin"



ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
PENOLONG NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)



"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada seluruh warga UTeM. Aidilfitri adalah satu kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya mengharungi bulan

Ramadhan dengan berpuasa, melawan hawa nafsu, bersih dan suci dengan amalan -amalan baik untuk mendapat keredaan Allah swt; Insyallah. For our international students, may I wish you and your families Eid Mubarak...

Dengan harapan semoga Hari Raya Aidilfitri ini akan mengukuhkan lagi ukhwa persaudaraan kita agar kemesraan siratulrahim ini akan lebih erat sesama kita dan membuahkan rasa kesyukuran kepada Allah swt. Seungkap kata untuk renungan bersama;

"tiada kesucian menjadi sempurna tatkala ada salah satu kebencian tertanam dalam jiwa membasuh jiwa dengan permintaan maaf. terkirim dari lubuk hati atas kesalahan selama ini Selamat Hari Raya Idul Fitri. Mohon maaf lahir batin"

PROF. DR. MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL
PENOLONG NAIB CANSELOR
(JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)

"Sebagai manusia biasa, kita tidak sempurna dan sering melakukan kesilapan serta kesalahan. Dikesempatan yang ada sempena Aidilfitri ini, saya menyusun 10 jari memohon kemaafan daripada semua warga UTeM sekiranya ada salah dan silap sama ada secara sengaja dan tidak disengajakan. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada anda semua. Itulah antara tanda kemenangan di Aidilfitri dan ia sungguh membahagiakan, Insya Allah"



HASAN BIN SIRUN
PENDAFTAR



"Bersempena Syawal yang bakal menjelang tiba, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf UTeM. Saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan sekiranya ada salah dan silap. Semoga Hari Raya kali ini dapat mengeratkan lagi jalinan ukhwa sesama kita. Salam lebaran daripada saya dan keluarga"

*Lemah lembut tuan puteri,
Berhias pandai cantik dipandang,
Meriah menyambut Aidilfitri,
Sahabat handai datang bertandang.*

KHAIRUL BIN TAIB
BENDAHARI

"Kadangkala dalam gurauan ada yang tersentap. Dalam kata ada merangkai lara. Dalam tingkah laku menoreh luka. Dengan itu, izinkan saya menghulurkan bersimpuh kemaafan atas lisan yang tidak terjaga, atas janji yang terabai, di bening hati yang ada prasangka dan atas sikap yang pernah menyakitkan. Dengan menyinari hati kita seputih awan agar jangan ia dibiarkan mendung, hiasilah hati seindah bulan dengan senyuman agar setiap langkah dilalui dengan penuh kesyukuran. Dengan niat suci dan penuh keikhlasan mohon dibuka pintu kemaafan dengan setulus hati zahir dan bathin atas sebarang kesalahan dan kekhilafan. Selamat Hari Raya Idul Fitri 1433H kepada semua staf UTeM semoga ALLAH SWT meredahi dan mengasihi kita semua.



HAJJAH FARIDAH BINTI HJ. MD AMIN
KETUA PUSTAKAWAN



20 Julai : Staf Canselori hari ini berhimpun di Auditorium bagi mengikuti tazkirah sempena menyambut ketibaan bulan Ramadhan yang mulia. Tazkirah anjuran Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) dan Unit Audit Dalam (UAD) itu dihadiri oleh staf di Canselori termasuk Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Tazkirah bertajuk "Ramadhan Kareem" telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Hanuar Mohd Talib dari MEPS Consultant. Antara yang disentuh oleh Ustaz Mohd Hanuar adalah tatacara menyambut kedatangan bulan Ramadhan dengan memperbanyakkan amalan seperti bersedekah, berzikir serta mengimarahkan masjid dengan aktiviti keilmuan dan ibadah.

Jelasnya lagi, bulan Ramadhan membawa seribu satu kebaikan kepada umat Islam kerana amalan atau perbuatan baik akan dilipatgandakan dan seharusnya peluang itu digunakan sebaiknya. Beliau turut menyeru hadirin agar mengawal serta mengurangkan pembaziran terutama sekali makanan dan perbelanjaan kerana terpengaruh dengan nafsu yang sukar dikawal.

Tazkirah Semarak Ramadhan Canselori



16 Julai : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), hari ini mengadakan program Hari Pemantapan Organisasi fakulti berkenaan bertempat di Kampus Industri, Ayer Keroh.

Menurut Pengarah Program Mazlan Ahmad ketika ditemui berkata, program itu dianjurkan bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan warga kerja FTK.

Tambah beliau, program tersebut mampu merangsang dalam pembentukan semangat kerja berpasukan sesama kakitangan yang terdiri daripada golongan pentadbiran dan akademik.

Dalam majlis tersebut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff turut menyampaikan taklimat berkenaan halatuju FTK menerusi pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan sebelum ini sebagai panduan dan dorongan bermakna kepada semua kakitangan yang hadir.

Bersempena dengan program sehari ini pelbagai pengisian dan aktiviti menarik telah dilaksanakan antaranya seperti program perkongsian ilmu dengan ceramah bertajuk 'Pengakhiran Hayat Sebagai Katalis Ke Arah Perubahan Diri Dan Organisasi' yang telah disampaikan oleh Ustaz Long Kechik.

Program Hari Pemantapan Organisasi Teguhkan Hubungan Warga Kerja

20 Julai : Pusat Islam telah merancang untuk mengadakan beberapa program menarik berupa 'Pakej Ihya' Ramadhan' sebagai pengisian bermakna sepanjang bulan yang penuh kemuliaan ini.

Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin berkata, program Ihya' Ramadhan merupakan pengisian aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan bersama oleh kakitangan UTeM secara fokusnya untuk meraih ganjaran-ganjaran pahala sempena dengan pengisian dalam bulan yang penuh keberkatan itu.


"Justeru beberapa aktiviti yang telah dirancang dan akan dilaksanakan secara bersepadu antaranya seperti Tazkirah Ramadhan 1433H yang akan diadakan pada setiap hari bekerja selepas waktu solat Zohor di Masjid Sayyidina Abu Bakar," katanya.

"Tazkirah Ramadhan ini akan disampaikan oleh Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan fakulti, Pengarah-pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ), pensyarah serta pegawai-pegawai dari Pusat Islam UTeM secara berjadual" ujar beliau.

Katanya, pada sebelah malam akan diadakan solat tarawikh berjemaah setiap malam dalam bulan Ramadhan ini manakala bagi 10 malam terakhir bulan ini akan diisi dengan program qiamullail selepas solat tarawikh.

Tambah beliau lagi, beberapa kaunter Zakat Fitrah akan turut dibuka bermula dari awal Ramadhan sewaktu hari bekerja sehingga pagi Hari Raya Aidilfitri di samping penggiliran pembukaan kaunter di bangunan PTJ akan dilaksanakan.

Pusat Islam UTeM anjur *Pakej Pengisian Ramadhan*



26 Julai : Seramai 200 orang kakitangan mengikuti program motivasi bulanan bertajuk 'Puasa Puas-puas' yang diadakan hari ini bertempat di Dewan Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pengarah Program, Muhamad Hazrul Md Esa berkata, program motivasi pada kali ini lebih cenderung kepada mengimarahkan kedatangan bulan Ramadhan yang menjanjikan pelbagai bentuk ganjaran pahala.

"Bersandarkan kepada matlamat tersebut maka ceramah motivasi ini memberi panduan dan penerangan kepada para peserta bagaimanakah kaedah terbaik dalam memperoleh manfaat ini," katanya.

Penceramah jemputan ialah Ustaz Nizam Ali yang bertugas sebagai Pegawai Agama, Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang, Johor. Antara ucapan ceramah beliau, dalam menghadapi bulan Ramadhan ini ada satu malam yang paling istimewa iaitu Lailatul Qadar, malam yang lebih baik dari seribu bulan. Bulan ini adalah bulan bagi kita sepuas-puasnya beramal, bermunajat dan berdoa memanjatkan kesyukuran kepadaNya. "Oleh itu maka berpuasalah kita sepuas-puasnya di samping menggandakan lagi amalan sebanyak-banyaknya seolah mengandaikan inilah bulan Ramadhan terakhir dalam hidup kita" ujar beliau lagi.



Pejabat Pendaftar anjur
Program Motivasi

'PUASA PUAS-PUAS'

20 Julai : Bersempena kedatangan bulan Ramadhan, UTeM tampil sekali lagi melaksanakan tanggungjawab sosial dengan mengedarkan jadual berbuka puasa dan imsak kepada seluruh masyarakat di negeri ini.

Menurut Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) Fazidah Ithnin berkata, sebanyak 20 ribu keping jadual berbuka puasa dan imsak dicetak pada tahun ini untuk diedarkan kepada staf universiti itu orang ramai.

"Edaran jadual waktu berbuka dan imsak merupakan sumbangan UTeM kepada masyarakat sebagai panduan serta memudahkan ibadah puasa dilaksanakan sepanjang bulan yang mulia ini," jelas Fazidah ketika ditemui.

Katanya lagi, staf UTeM turut memainkan peranan dalam mengedarkan jadual itu ke seluruh negeri Melaka.

"Staf turut diberikan sejumlah kuantiti jadual berbuka untuk diedarkan di surau-surau kawasan perumahan masing-masing dan sifat kesukarelaan ini wajar diberi pujian," kata Fazidah lagi.

Selain jadual berbuka puasa dan imsak, helaian itu turut mengandungi panduan menunaikan puasa di bulan Ramadhan agar masyarakat dapat melaksanakan ibadah dengan penuh penghayatan, jelasnya lagi.

Bakti Ramadhan

UTeM Edar 20 Ribu Jadual Berbuka Puasa



Pejabat HEPA Anjur *Majlis Berbuka Puasa*

24 Julai: Seramai 40 orang pelajar dari Maahad Tahfiz Simpang Bekok, Jasin diraikan dalam majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) hari ini.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar dan turut dihadiri oleh pegawai kanan universiti, kakitangan HEPA dan keluarga, pelajar-pelajar serta masyarakat sekitar Kampus Induk di Durian Tunggal.

Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, program itu merupakan sebahagian daripada agenda Pejabat HEPA dalam bulan Ramadhan bagi meraikan golongan pelajar tahfiz.

Jelas beliau, Pejabat HEPA turut menjayakan program memasak dan mengedarkan bubur lambuk kepada kakitangan, pelajar dan masyarakat sekitar kawasan kampus pada sebelah petangnya.

Sebanyak dua buah periuk bubur lambuk telah dimasak oleh kakitangan HEPA secara gotong royong yang menyediakan kelengkapan masakan, memasak, membungkus serta membuat pengedaran kepada kakitangan dan pelajar.

Bersama Pelajar Maahad Tahfiz



31 Julai : Kesempatan berpuasa di bulan Ramadhan dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) bagi mengeratkan hubungan di antara pelajar dan staf fakulti tersebut.

Baru-baru ini telah diadakan majlis perjumpaan bersama Dekan dan berbuka puasa bersama warga kerja fakulti dan mahasiswa di Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Menurut Dekan FTMK, Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin berkata, program itu dirancang dengan tujuan untuk merapatkan jalinan hubungan di antara warga kerja dan mahasiswa fakulti itu demi melahirkan graduan yang cemerlang.

"Perjumpaan seperti ini merupakan satu medium bagi pengurusan fakulti untuk menyebarkan dan memaklumkan perkembangan terkini universiti, memberi perangsang dan motivasi kepada pelajar bagi meningkatkan prestasi akademik serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pengurusan fakulti dengan para pelajar," jelas Dr. Shahrin.

Majlis itu telah dihadiri pelajar diploma dan siswazah FTMK seramai 150 orang termasuk pelajar-pelajar antarabangsa. Di samping itu, fakulti turut menghulurkan sumbangan kepada 24 orang pelajar FTMK yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah, asnaf dan anak yatim piatu bagi memudahkan persiapan hari raya mahasiswa terbabit.

Ramadhan

Eratkan Hubungan Warga FTMK



Pejabat Canselori Rai

Pelajar Tahfiz Berbuka Puasa

31 Julai : Pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz Ribath Sheikhul Ariffin diraikan dalam satu majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh Pejabat Canselori semalam.

Majlis tersebut telah diadakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar dan dihadiri oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, staf Pejabat Canselori dan keluarga, pelajar-pelajar serta masyarakat sekitar Kampus Induk di Durian Tunggal.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui berkata, penganjuran majlis tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian aktiviti dalam bulan Ramadhan yang dirancang oleh warga kerja Pejabat Canselori.

"Kesempatan di bulan Ramadhan digunakan sepenuhnya untuk mendekati komuniti dan pelajar sekolah tahfiz serta meraikan mereka dengan harapan dapat mendekati dan mengenali mereka secara lebih dekat lagi golongan tahfiz ini", jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau menambah, institusi pengajian tinggi seperti UTeM sentiasa menyanjungi pembangunan ilmu dan akan terus memberi sokongan padu kepada golongan muda yang mencintai ilmu pengetahuan.

Dalam majlis tersebut, pelajar-pelajar tahfiz itu mempersembahkan bacaan dan terjemahan Al-Quran di samping memimpin bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Dr. Ahmad Yusoff kemudiannya menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz Ribath Sheikhul Ariffin dan seterusnya berbuka puasa bersama tetamu yang hadir.

Terdahulu, staf Pejabat Canselori bergotong-royong menyediakan bubur lambuk untuk diedarkan kepada warga universiti itu. Bubur lambuk itu telah diedarkan ke seluruh kampus termasuk pelajar-pelajar antarabangsa UTeM.

Dr. Ahmad Yusoff turut meluangkan masa membantu peserta terlibat mengacau bubur lambuk dan mengedarkannya kepada warga universiti yang hadir.





Program Khidmat Masyarakat **Perkasa Perkembangan ICT** Negeri Melaka

11 Julai : Jawatankuasa Khidmat Masyarakat Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) mengambil langkah proaktif menganjurkan Kursus Pembangunan Laman Web bertempat di makmal perisian fakulti itu di Kampus Induk Durian Tunggal.

Kursus tersebut melibatkan penyertaan seramai 25 orang guru yang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negeri Melaka dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serta Jabatan Pelajaran Negeri Melaka.

Menurut jurucakap Jawatankuasa Khidmat Masyarakat FTMK, Nor Azman Mat Ariff berkata, program yang dianjurkan bertujuan untuk membimbing guru-guru terlibat kemahiran serta cara membangunkan laman web untuk sekolah masing-masing.

"Secara tidak langsung, program sebegini dapat mendekatkan fakulti dengan masyarakat sekeliling dan ilmu yang disampaikan akan digunakan untuk membangunkan komuniti yang berpengetahuan dalam bidang ICT," kata Nor Azman lagi.

Manakala Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Melaka, Muhammad Sani Bidin yang ditemui berkata, pihaknya menyambut baik penganjuran program tersebut yang disifatkannya sebagai perkongsian pintar di antara organisasi terlibat untuk memajukan sektor ICT khususnya di negeri ini.

Di samping itu, inisiatif yang dijalankan adalah selari dengan kerancangan dunia teknologi maklumat dan dalam masa yang sama meningkatkan akses pelajar, ibu bapa dan orang awam terhadap perkembangan semasa sekolah agama, jelas Muhammad Sani lagi.



PUSAT KOMPUTER ANJUR PERTANDINGAN **BOWLING** ERAT HUBUNGAN STAF

18 Julai : Kepadatan jadual tugas staf Pusat Komputer tidak menghalang warga pejabat tersebut menganjurkan aktiviti riadah untuk mengeratkan hubungan sesama mereka.

Bertempat di Pusat Bowling Antarabangsa Melaka (MIBC) warga Pusat Komputer telah berkumpul dan menjayakan pertandingan bowling tertutup yang disertai oleh staf dan ahli keluarga pejabat itu. Menurut Pengarah Pusat Komputer, Mohd Isa Mohd Dom berkata, pertandingan tersebut dianjurkan oleh Kelab Sukan & Kebajikan Pusat Komputer (K-SCOM) sebagai aktiviti riadah yang dapat memupuk semangat kerjasama di samping mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan staf.

"Aktiviti riadah seperti ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana berjaya menghimpunkan kebanyakan staf dan ahli keluarga untuk saling berinteraksi antara satu sama lain setelah bertungkus lumus menjalankan tugas di pejabat." ujar Isa lagi.

Menurut Ketua Biro Sukan K-SCOM, Ed. Soffuan Yusof berkata, staf dan ahli keluarga dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk merebut hadiah-hadiah yang disediakan. "Pelbagai aktiviti bercorak rekreasi akan dianjurkan pada masa akan datang untuk merapatkan jalinan persahabatan warga kelab itu di samping menyokong hasrat universiti untuk mewujudkan suasana kerja yang positif", ujar beliau lagi.

Pada pertandingan tersebut, kumpulan kuning yang dianggotai oleh Hadzli Zul, Azmi Suratman, Rohaili, Mazura, Norizan, Shamimah dan Wan Pazi merangkul gelaran juara dengan 1,300 jatuhan pin. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Komputer, Samsul Samdin.

MASURIYA HANI BINTI ABD. WAHID PENOLONG PEGAWAI TADBIR | FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Beliau memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2004 dan ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Seterusnya beliau mencurahkan bakti di Pejabat Pendaftar serta Canselor sebelum menyertai Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada tahun 2010 hingga kini.

Seorang yang aktif dalam persatuan, Masuriya merupakan Ahli Jawatankuasa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) peringkat UTeM. Bagi Masuriya, keluarga merupakan anugerah yang tidak ternilai. Justeru, beliau selalu menghabiskan masa lapang bersama keluarga tercinta menjalankan pelbagai aktiviti bersama. Melancong serta menikmati keindahan pantai merupakan kegemarannya bersama keluarga.

Selain melancong, Masuriya gemar mencuba pelbagai resepi kek terkini. Katanya hobi tersebut menyuntik nilai-nilai kreativiti untuk menghasilkan kek mengikut citarasanya. Di peringkat fakulti dan universiti, Masuriya terlibat secara aktif dalam melaksanakan majlis-majlis rasmi seperti Majlis Konvokesyen, Minggu Haluan Siswa serta persidangan-persidangan antarabangsa.



NOOR AZMAN BIN MANSOR PENOLONG PEGAWAI TADBIR | FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Berasal dari Serkam Melaka Iuluan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang Sains Geomatik ini menyertai UTeM pada tahun 2008 dan berkhidmat di Pejabat Antarabangsa.

Seorang yang peramah dan ceria, Noor Azman kemudiannya ditempatkan di Unit Akademik Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk menguruskan pelbagai keperluan pelajar merangkumi kebajikan, penganjuran program dan hal ehwal berkaitan akademik.

Pada masa ini, beliau terlibat secara langsung dalam menganjurkan siri kem motivasi pelajar FTMK dalam usaha melahirkan graduan berkemahiran tinggi. Penglibatan beliau dalam program tersebut jelas menyumbang kepada kejayaan fakulti dalam menepati misi dan visi universiti.

Mewakili fakulti dalam acara badminton pada temasya Sukan Antara Jabatan 2012 (SAJ 2012), Azman telah mempamerkan prestasi cemerlang menggalas cabaran untuk mengharumkan nama FTMK.





UTeM Terus Beri Saingan Hebat di SUKUM 37

16 Julai : Kontinjen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mempamerkan prestasi membanggakan apabila menduduki tangga keenam daripada 21 pasukan yang bertanding di temasya Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-37 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok baru-baru ini.

Menurut ketua kontinjen UTeM Hj. Ismail Abdol Jalil, yang ditemui berkata, UTeM telah meraih dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam acara boling padang, dart, tenpin boling, olahraga, bola sepak veteran dan karom dalam kejohanan tersebut. Jelas beliau, pasukan boling padang beraksi cemerlang apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan lelaki dan wanita dengan pungutan pingat emas dalam acara Men Singles dan Women Fours.

"Manakala pingat perak diraih dalam acara dart dan tenpin boling dan tiga pingat gangsa diperolehi melalui acara bolasepak veteran, olahraga dan karom".

"Para atlet UTeM telah menunjukkan peningkatan mutu permainan dengan semangat kesukanan terpuji seperti yang diharapkan oleh Naib Canselor dalam amanat yang disampaikan beliau sewaktu majlis penyerahan bendera sebelum ini", ujar beliau. Tambah beliau lagi, kontinjen UTeM akan terus melaksanakan pembangunan bakat sukan dalam kalangan staf secara berterusan bagi menghadapi kejohanan-kejohanan seperti SUKUM pada tahun hadapan.



Kelahiran



Athiyah Nur Batrisya binti Mazlan
Nama Staf : Mazlan bin Mahat - HEPA
06/07/2012

Pengantin Baru

1/7/2012

Noryani binti Muhammad (FKM) &
Mohd. Fadzi bin Mohd. Yassin



KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Mohd Khairulhusaini Mohd Saad



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahaman



Zaffaruddin Hamzah

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

*'To Be One of the World's Leading Innovative
and Creative Technical Universities'*



**Always A Pioneer,
Always Ahead**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

As a Focus University, UTeM boasts strengths in technical fields – namely Engineering, IT, and Management Technology. UTeM has cemented a reputation of being a source of high-quality engineering graduates with the capability of meeting the requirements of high-tech industries. UTeM also has research competencies in areas that it has identified as being key to enhancing the University's unique proposition and also contributes to the nation such as Green Technology, Systems Engineering, Human-Technology Interaction, and Emerging Technology.

UTeM admits not only local but also international students and this includes students from Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapore, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria and Jordan.